

18 APR 2002

PBA-PENYENARAIAAN

KEMUNCULAN PERTAMA PBA DI PAPAN UTAMA BSKL MEMUASKAN

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- PBA Holdings Bhd (PBA) hari ini mencatatkan kemunculan pertama yang memuaskan di Bursa Saham Kuala Lumpur hari ini.

Ia dibuka pada RM1.44 dengan premium sebanyak 14 sen. Sejumlah 1.575 juta saham bertukar tangan. Harga tawaran ialah RM1.30.

Harga mencecah tahap ketinggian sesi tengah hari pada RM1.77 sebelum ditutup pada RM1.70.

PBA diperbadankan pada 26 Jan 1999, dengan modal terbitan dan berbayar sebanyak RM165 juta.

Pada sidang media selepas penyenaraian berkenaan, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon apabila dihubungi di Casablanca, Maghribi, berkata beliau gembira dengan sambutan pasaran.

Koh, yang juga pengerusi PBA, mengikuti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan lawatan rasmi ke Maghribi, Libya dan Bahrain.

"Dengan rekod kami yang baik, kami akan terus melakukannya," kata beliau.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Timbalan Ketua Menteri dan Timbalan Pengerusi PBA, Datuk Dr Hilmi Yahaya berkata syarikat tidak akan menunggu lama untuk menawarkan kepakarannya di luar Pulau Pinang.

Beliau berkata dalam Malaysia sahaja PBA telah menerima pertanyaan daripada pihak berkuasa air dari Melaka dan Kedah.

Di peringkat antarabangsa, beliau berkata PBA telah menerima pertanyaan dan jemputan dari China untuk mempertimbangkan penyertaan dalam projek di sana.

Ia juga telah menerima pertanyaan daripada pihak berkuasa air dari Thailand dan Haiphong, Vietnam.

"Kami akan menjadi lebih agresif untuk meningkatkan perolehan kami," kata Hilmi.

Ketua Pegawai Eksekutif PBA, Liew Chook San berkata hasil penyenaraian itu akan dilaburkan dalam infrastruktur untuk meningkatkan kapasiti bekalan air untuk 10 tahun akan datang.

PBA, syarikat pegangan bagi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), merupakan pembekal yang lengkap atau holistik dengan rekod yang baik dan satu-satunya syarikat pembekal air berlesen di Pulau Pinang yang mendapatkan sumber, merawat, mengagihkan air dengan cara ekonomi.

Beliau berkata pencapaian terbaik PBA ialah dalam menyediakan 100 peratus bekalan air ke kawasan bandar dan 99 peratus ke kawasan luar bandar, mengekalkan kadar antara yang terendah di Malaysia, mengekalkan kehilangan bukan sumber terendah seluruh negara, mengutip perolehan sebanyak 98 peratus dan memperoleh keuntungan sebelum cukai sebanyak RM40 juta bagi tahun 2000.

"Keuntungan kami selepas cukai untuk tahun 2001 yang penuh lebih daripada RM50 juta," kata beliau.

Di bawah penyenaraian itu, PBA mengadakan terbitan awam sebanyak 51 juta saham pada RM1.30 setiap satu. Tawaran awam sebanyak 19.8 juta saham telah terlebih langganan sebanyak 5.93 kali.

Kerajaan Pulau Pinang menguasai 55 peratus kepentingan pegangan dalam PBA yang disenaraikan manakala Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang memiliki 10 peratus, Yayasan Bumiputera Pulau Pinang (10 peratus), kakitangan PBA (lima peratus), pengguna PBA (10 peratus) dan awam (10 peratus). -- BERNAMA

AHM KTC NHD